

# TATACARA PENANAMAN BARU RSPO

## Panduan kepada Pekebun Kecil di bawah Pensijilan Kumpulan RSPO untuk Pengeluaran TBS

Ogos 2017

Versi 1

Nama Dokumen: Tatacara Penanaman Baru RSPO – Panduan untuk Pekebun Kecil di bawah Pensijilan Kumpulan RSPO bagi Pengeluaran TBS

Kod Rujukan Dokumen : *[masukkan kod rujukan]* Versi 1

Skop Geografi: Antarabangsa

Tarikh kelulusan: *[....]*

Tarikh Semakan: Dokumen ini akan disemak mengikut setiap semakan P&C RSPO

Alamat Perhubungan: Sekretariat RSPO

Unit A-37-1, Menara UOA Bangsar,  
Number 5 Jalan Bangsar Utama 1  
Kuala Lumpur 59000, Malaysia

Tarikh Mula Kkuatkuasa: Dokumen ini berkuatkuasa pada *XX 2017 (jangkaan tarikh kelulusan dari RSPO)*.

## ISI KANDUNGAN

GLOSARI	4
SENARAI AKRONIM	1
SEKSYEN 1: Pengenalan	2
1.1 Apakah Tatacara Penanaman Baru (NPP) RSPO?	2
1.2 Latarbelakang dan tujuan dokumen ini	2
1.3 Skop – Bila dan siapa yang boleh menggunakan Panduan NPP ini?	2
1.4 Bagaimana NPP dilaksanakan untuk pekebun kecil di bawah Pensijilan Kumpulan RSPO?	4
1.5 Proses Integrasi NPP dengan proses undang-undang negara	5
SEKSYEN 2: Panduan NPP RSPO untuk Pekebun Kecil di bawah Pensijilan Kumpulan RSPO untuk pengeluaran TBS – perincian proses	6
I. Pra-penilaian: Pra-penilaian NPP diserahkan kepada Sekretariat RSPO	7
II. NPP: membuat Laporan NPP penuh	8
1. Menjalankan penilaian tambahan	8
2. Penyediaan pelan pengurusan	9
3. Penyerahan Laporan NPP kepada Sekretariat RSPO dan pemberitahuan umum	10
4. Resolusi dan penyelesaian	10
Lampiran 1. Templat untuk Pra-Penilaian	12
Kenyataan Pemberitahuan NPP	12
Panduan untuk penyerahan peta NPP	14
Lampiran 2: Templat Laporan NPP	16
Lampiran 3: Mekanisme Ulasan NPP	19
Lampiran 4: Templat Ulasan NPP	20
Lampiran 5: Dokumen dan alat sokongan	21

## GLOSARI

Terma	Definisi
Pembangunan berkaitan	termasuk pembinaan kilang sawit, kilang penghancur isirong, nurseri, perumahan/khemah dan pejabat, jalan/laluan, penanda sempadan yang kekal, perparitan, loji rawatan efluen, pusat pengumpulan buah, pembinaan teres, kerja-kerja tanah, plot skim tanah pekebun kecil/serdhana dan lain-lain pembangunan yang berkaitan dengan operasi pembangunan kelapa sawit baru sama ada dijalankan oleh peladang atau pihak lain.
Tanah Pertanian Terbangkalai	Tanah Pertanian (termasuk ladang ternakan) di mana tiada pembangunan berlaku selama lebih dari tiga tahun (ketika penyerahan laporan NPP dibuat).
Stok Karbon	Stok karbon tanah ditentukan oleh karbon di atas dan bawah tanah seperti yang terkandung dalam Tatacara Penilaian GHG RSPO untuk Penanaman Baru <sup>5</sup> . Rujuk kepada Lampiran 2 RSPO P&C 2013 untuk definisi RSPO bagi stok karbon rendah.
Penilaian Stok Karbon	Komponen kepada penilaian GHG. Pengukuran stok karbon di kawasan penanaman baru yang dicadangkan mengikut kaedah asas yang disyorkan di dalam Tatacara Penilaian GHG RSPO untuk Penanaman Baru. Hanya stok karbon di atas dan di bawah biomas tanah dan bahan organik tanah di kawasan tanah gambut diambil kira. Karbon organik tanah di tanah bukan gambut tidak diambil kira.
Penukaran	Di dalam konteks NPP, penukaran merujuk kepada proses pembukaan atau penurunan gred sebarang tanah yang tidak bertanam kelapa sawit kepada yang bertanam kelapa sawit.
Tanah Rapuh	Seperti yang diterangkan pada Lampiran 2 dokumen RSPO P&C 2013, dan definisi nasional dalam Interpretasi Nasional RSPO
<i>Groundtruth</i>	Proses pengumpulan data primer yang diperolehi secara pemerhatian dan/atau pengukuran, biasanya pengesahan kepada penderiaan jarak jauh seperti data satelit.
Pensijilan Kumpulan	Pensijilan bersama sekumpulan penanam kelapa sawit dengan pensijilan melibatkan keseluruhan kumpulan seperti yang tertera di dalam piawaian Pensijilan Kumpulan RSPO
Pengurus Kumpulan	Individu, kumpulan atau organisasi yang bertanggungjawab menjalankan sistem kawalan dalaman dan menguruskan kumpulan. Ini boleh jadi mana-mana individu atau organisasi, seperti peladang, pedagang BTS, persatuan bebas, kilang, dll., dengan syarat ia memenuhi kriteria yang digariskan di dalam Seksyen E.1.2 dokumen Pensijilan Kumpulan.
Ahli Kumpulan	Pekebun peseorangan, yang mengambil bahagian secara rasmi dalam kumpulan yang ingin mendapatkan pensijilan BTS di bawah piawaian Pensijilan Kumpulan RSPO.
Penutup Bumi	Jenis tumbuh-tumbuhan, batu, air atau permukaan tiruan yang menutupi permukaan bumi.
Stratifikasi Penutup Bumi	Pengelasan penutup bumi ke dalam kategori yang seragam seperti yang dinyatakan di dalam Tatacara Penilaian GHG RSPO untuk Penanaman Baru menerusi analisis GIS data penderiaan jarak jauh.
Penyediaan Tanah	Apa-apa tindakan yang menyediakan tanah untuk penanaman dan pembangunan berkaitan kelapa sawit termasuk pembukaan tanah atau degradasi mana-mana tumbuh-tumbuhan sedia ada, perubahan topografi dan saluran atau penyediaan tanah.
Guna tanah	Jenis aktiviti yang dijalankan di atas satu unit tanah.
Tanah marginal	Seperti yang diterangkan dalam Lampiran 2 dokumen RSPO P&C 2013, dan definisi kebangsaan di dalam Interpretasi Nasional RSPO

Penanaman kelapa sawit baru atau pembangunan kelapa sawit baru	Penanaman yang dirancang atau dicadangkan di atas tanah yang sebelum ini tidak ditanam dengan kelapa sawit.
Penyertaan-bersama	Satu proses yang dicirikan dengan melibatkan orang; terutamanya bagi menyediakan peluang penyertaan oleh mana-mana pihak berkepentingan yang berpotensi terjejas dalam mengumpul dan menyediakan maklumat serta membuat keputusan yang memberi kesan kepada mereka.
Hutan Primer	Hutan primer merupakan hutan yang tidak pernah dibalok dan telah terbentuk akibat daripada perubahan alamiah dan proses-proses semulajadi, tanpa mengira usianya. Juga termasuk sebagai hutan primer adalah hutan yang digunakan secara tidak berterusan oleh masyarakat asli dan tempatan dalam menjalankan gaya hidup tradisi mereka sejajar dengan pemuliharaan dan penggunaan kepelbagaian biologi secara mampan. Litupan yang ada biasanya hampir menyerupai komposisi semulajadinya dan telah berkembang (kebanyakannya) melalui proses regenerasi semulajadi. (Dari <i>FAO Second Expert Meeting On Harmonizing Forest related Definitions or Use by Various Stakeholders, 2001</i> ). Interpretasi Nasional boleh memberikan definisi yang lebih spesifik.
Pemberitahuan Awam	Memaklumkan orang awam melalui pemberitahuan di laman web RSPO atau papan notis tempatan. Memerlukan tindak balas yang memuaskan dan / atau tindakan yang relevan dari peladang kelapa sawit ke atas sebarang ulasan dari pihak berkepentingan dalam tempoh pemberitahuan, sebelum sebarang perkembangan dimulakan.
Penanaman Semula	Ladang kelapa sawit yang dibangunkan di atas tanah yang dahulunya juga di tanam dengan kelapa sawit
Pekebun kecil	Pekebun yang menanam kelapa sawit, kadang kala bersama pengeluaran tanaman lain, di mana ahli keluarga menjadi sebahagian besar tenaga buruh dan ladang itu menjadi sumber pendapatan utama dan kawasan penanaman kelapa sawit biasanya kurang dari 50 hektar.
Pekebun kecil Bebas	Pekebun kecil yang tidak terikat dengan sebarang kontrak, perjanjian kredit atau perancangan dengan sebarang kilang sawit.
Pekebun kecil Skim	Pekebun kecil yang terikat oleh kontrak secara struktur, perjanjian kredit dan / atau oleh perancangan dengan kilang tertentu, tetapi persatuan itu tidak semestinya terbatas pada hubungan tersebut. [Nota: Contohnya adalah model Plasma Indonesia. Di banyak bahagian di dunia, seperti Amerika Latin, jenis pekebun kecil ini juga disebut sebagai 'pekebun kecil bersekutu.]

## SENARAI AKRONIM

ALS	Skim Pelesenan Penilai ( <i>Assessor Licensing Scheme</i> )
AMDAL	<i>Analisis Mengenai Dampak Lingkungan</i> (Analysis on environmental impacts (Bahasa Indonesia))
CB	Badan Pensijilan ( <i>Certification Body</i> )
CTF	Pasukan Petugas Pampasan ( <i>Compensation Task Force</i> )
ERWG	Kumpulan Kerja Pengurangan Pelepasan ( <i>Emission Reduction Working Group</i> )
FFB	Tandan Buah Segar (TBS) ( <i>Fresh Fruit Bunches</i> )
GHG	Gas Rumah Hijau ( <i>Greenhouse Gas</i> )
PK	Pengurus Kumpulan ( <i>Group Manager</i> )
HCV	Nilai Konservasi Tinggi ( <i>High Conservation Value</i> )
HCVRN	Jaringan Sumber Nilai Konservasi Tinggi ( <i>High Conservation Value Resource Network</i> )
HCS	Stok Karbon Tinggi ( <i>High Carbon Stock</i> )
LUCA	Analisis Perubahan Penggunaan Tanah ( <i>Land Use Change Analysis</i> )
NI	Interpretasi Nasional ( <i>National Interpretation</i> )
NPP	Tatacara Penanaman Baru ( <i>New Planting Procedure</i> )
P&C	Prinsip dan Kriteria ( <i>Principles and Criteria</i> )
FPIC	Free, Prior and Informed Consent
RSPO	Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Mampan ( <i>Roundtable on Sustainable Palm Oil</i> )
SEIA	Penilaian Impak Sosial dan Alam Sekitar ( <i>Social &amp; Environmental Impact Assessment</i> )

## **SEKSYEN 1: Pengenalan**

### **1.1 Apakah Tatacara Penanaman Baru (NPP) RSPO?**

Tatacara Penanaman Baru (NPP) RSPO merupakan satu set penilaian dan aktiviti pengesahan yang perlu dijalankan oleh peladang dan badan pensijilan (CB) atau, hanya bagi kes pekebun kecil di bawah Pensijilan Kumpulan RSPO untuk Pengeluaran TBS, oleh Pengurus Kumpulan (PK) dan Sekretariat RSPO, sebelum pembangunan kelapa sawit baru dibuat, untuk membantu membimbing penanaman yang bertanggungjawab. NPP digunakan untuk sebarang pembangunan penanaman baru, tanpa mengira saiz (ha). Tujuannya adalah supaya penanaman sawit baru tersebut tidak akan mendatangkan kesan negatif kepada hutan primer, kawasan Nilai Konservasi Tinggi (HCV), kawasan stok karbon tinggi (HCS), tanah rapuh dan marginal atau tanah penduduk tempatan. Pelaksanaan NPP yang berjaya dapat memastikan bahawa semua petunjuk Prinsip 7 daripada Prinsip & Kriteria (P&C) RSPO 2013 dilaksanakan dan dengan itu mematuhi piawaian ketika pembangunan baru dimulakan.

Salah satu hasil daripada NPP ialah laporan yang mencadangkan bagaimana dan di mana penanaman baru sawit boleh diteruskan, atau tidak, untuk kawasan pengurusan yang diberikan. Laporan NPP tersebut dipaparkan di laman web RSPO untuk konsultasi umum selama tempoh 30 hari. Penanaman dan sebarang pembangunan berkaitan (seperti pembangunan jalan raya) hanya boleh dimulakan setelah NPP selesai dan kelulusan RSPO diberikan.

### **1.2 Latarbelakang dan tujuan dokumen ini**

Dokumen Panduan ini diwujudkan untuk memudahkan pelaksanaan NPP oleh pekebun kecil di bawah Pensijilan Kumpulan RSPO untuk Pengeluaran TBS.

#### **Sejarah NPP**

NPP telah dicadangkan kepada Perhimpunan Agung RSPO pada November 2008 dan diterima pada Mei 2009. Ia telah diluluskan oleh Lembaga Eksekutif RSPO pada September 2009 dan berkuat kuasa untuk semua penanaman kelapa sawit baru bermula 1 Januari 2010. NPP diperkenalkan dengan tujuan untuk menyediakan rangka kerja bagi pembangunan tanah baru yang bertanggungjawab untuk kelapa sawit.

Dokumen P&C RSPO dikemaskini setiap lima tahun. Dokumen P&C terbaru diterbitkan pada 2013. Dokumen NP terdahulu berkisar pada tarikh bermula 2010 hingga 2012 dan memerlukan pengemaskinian berdasarkan keperluan baru yang diperkenalkan dalam dokumen P&C RSPO 2013, yang membawa kepada pengesahan dokumen NPP yang dikemaskini pada 2015.

Pada Perhimpunan Agung RSPO pada November 2016, satu resolusi telah diluluskan memohon kajian semula dan pindaan dibuat terhadap proses NPP yang telah dikemaskini supaya bersesuaian untuk pekebun kecil, dan telah membawa kepada penyediaan dokumen ini.

### **1.3 Skop – Bila dan siapa yang boleh menggunakan Panduan NPP ini?**

Dokumen Panduan NPP ini hanya boleh digunakan oleh pekebun kecil yang termasuk di bawah Pensijilan Kumpulan RSPO untuk Pengeluaran TBS, iaitu yang telah menyertai Kumpulan yang telah bersijil atau berniat untuk mendapatkan pensijilan. Bagi kes Pensijilan Kumpulan RSPO untuk Pengeluaran TBS, Pengurus Kumpulan (PK) haruslah bertanggungjawab memastikan semua keperluan NPP dipatuhi.

Untuk penanaman sawit baru **bermula 1 Januari 2010**, NPP wajib dilaksanakan sebelum sesebuah Kumpulan memulakan proses penyediaan tanah, termasuklah sebarang pembangunan yang berkaitan. Lihat Jadual 1 untuk penjelasan dan pengecualian.

- **Kumpulan berstatus Ahli RSPO merancang suatu pembangunan baru:** Sekiranya suatu Kumpulan itu merupakan ahli RSPO sewaktu merancang pembangunan baru, Kumpulan tersebut wajib melengkapkan proses NPP yang diperincikan di dalam dokumen ini.
- **Pengambilalihan tanah baru oleh Kumpulan berstatus ahli RSPO:** Sekiranya pembukaan tanah aktif dilakukan sewaktu pengambilalihan tanah, sebarang operasi wajib dihentikan sepenuhnya dan keperluan NPP mesti diikuti untuk sebarang kawasan yang belum dibuka.
- **Jika pembukaan tanah berlaku selepas 1 Januari 2010:** Sekiranya tanah dimajukan selepas 1 Januari 2010 dan tidak mematuhi keperluan NPP, Kumpulan tersebut harus memastikan pematuhan terhadap Prinsip 7 pada masa pensijilan. Ini mungkin terjadi sekiranya pembukaan tanah dibuat sebelum Kumpulan tersebut menjadi ahli RSPO.

Untuk mana-mana ahli baru atau pengambilalihan tanah baru oleh Ahli Kumpulan di mana pembukaan dan pembangunan tanah telah dilakukan dokumen *RSPO Remediation and Compensation Procedure (RaCP)* haruslah digunakan. [Nota: Panduan untuk pelaksanaan RaCP oleh Pekebun Kecil RSPO sedang disediakan].

Untuk penanaman baru di antara November 2005 dan 31 Disember 2009, NNP tidak digunakan tetapi Kumpulan mestilah mematuhi Prinsip 7.

*Jadual 1 Senario berbeza untuk penanaman baru dan memahami bila NPP digunakan untuk Kumpulan:*

<b>Senario dari 1 Januari 2010</b>	<b>NPP</b>
Penukaran daripada <b>tumbuhan semulajadi kepada kelapa sawit</b> atau daripada ladang hutan atau agro-perhutanan kepada kelapa sawit. Termasuklah kawasan yang belum dimajukan dari sebarang pengambilalihan tanah baru.	<b>Ya</b>
<b>Penukaran tanah pertanian terbengkalai</b> (tidak dimajukan > daripada 3 tahun)	<b>Ya</b>
<b>Penukaran tanah pertanian sedia ada</b> (termasuklah tanah untuk ladang ternakan, tanaman tahunan dan bukan tanaman saka) kepada kelapa sawit. Termasuklah untuk sebarang pengambilalihan tanah baru.	<b>Ya</b>
Untuk penanaman baru di dalam <b>kawasan bersijil</b> seperti tertera pada sijil Kumpulan	<b>Tidak</b> , kerana kes ini akan diaudit berdasarkan Prinsip 7 semasa audit dalaman, audit pengawasan dan audit pensijilan-semula



## 1.4 Bagaimana NPP dilaksanakan untuk pekebun kecil di bawah Pensijilan Kumpulan RSPO?

Untuk pekebun kecil di bawah Pensijilan Kumpulan RSPO, keperluan NPP dilaksanakan melalui dua langkah:

I. Pra-Penilaian

II. NPP

Pada awalnya, suatu pra-penilaian dilakukan, yang membolehkan Sekretariat RSPO untuk mengenalpasti kes-kes di mana Kumpulan tidak perlu menghasilkan satu laporan NPP penuh.

Pra-penilaian ini mengandungi peta kawasan tambahan yang dicadangkan, juga suatu penilaian SEIA dan penilaian HCV bagi menentukan tahap risiko kawasan pembangunan baru tersebut. PK boleh menghasilkan peta untuk kawasan pengembangan yang dimaksudkan dengan menggunakan HCV 7.3 App ([LINK TO BE INSERTED](#)). Laporan penilaian dijana secara automatik oleh alat penilaian SEIA dan HCV dan perlu diserahkan kepada Sekretariat RSPO bersama dengan pernyataan ringkas tentang pelan pengembangan kumpulan dan peta-peta berkaitan.

Untuk perhatian, sekiranya *HCV 7.3 App* mengenalpasti sebarang kawasan berisiko tinggi, satu penilaian HCV yang lebih terperinci mungkin diperlukan.

Kawasan di mana NPP digunapakai mesti dikira berdasarkan geran tanah (iaitu jumlah kawasan yang ingin dimajukan untuk kelapa sawit dan pembangunan lain yang berkaitan). Contohnya, jika geran tanah ialah untuk tanah 40ha, satu laporan pra-penilaian perlu diserahkan dengan merangkumi keseluruhan 40ha, dan pra-penilaian (dan penilaian tambahan seterusnya jika perlu) mesti dilakukan ke atas keseluruhan kawasan 40ha. Kawasan tersebut (ha) tidak boleh dipisahkan kepada beberapa laporan NPP yang berbeza.

Sekiranya beberapa ahli Kumpulan merancang penanaman baru maka jumlah kawasan tanah yang bergeran mestilah dimasukkan. Contohnya, geran tanah Ahli Kumpulan A merangkumi 20ha, geran tanah Ahli Kumpulan B meliputi 10ha dan geran tanah Ahli Kumpulan C meliputi 5 ha, kawasan keseluruhan  $20\text{ha}+10\text{ha}+5\text{ha}=35\text{ha}$  mestilah dimasukkan di dalam NPP.

Jika jawapan adalah tidak untuk ketiga-tiga soalan, Sekretariat RSPO akan memaklumkan PK yang semua keperluan telah dipenuhi, tiada NPP diperlukan dan kumpulan boleh meneruskan dengan penanaman baru seperti yang dimaklumkan. Sekretariat RSPO akan menghubungi Kumpulan dalam masa 5 hari bekerja.

Jika jawapan adalah ya untuk satu atau lebih soalan, dalam masa 5 hari bekerja, Sekretariat RSPO akan memaklumkan PK yang NPP perlu dilakukan dan Kumpulan perlu meneruskan dengan NPP.

Di dalam NPP ini, PK akan membuat penambahan kepada laporan pra-penilaian sedia ada dengan melakukan penilaian LUCA dan GHG, dengan menggunakan alatan (*tools*) yang dibina untuk tujuan ini. Setelah semua kajian lengkap, PK akan menyediakan pelan pengurusan dengan menggunakan templat di dalam dokumen Panduan ini (lihat Lampiran 2). Pengumpulan semua kajian (laporan pra-penilaian beserta peta, laporan kajian HCV dan SEIA; laporan LUCA; laporan GHG; dan pelan pengurusan) akan diserahkan kepada Sekretariat RSPO, yang akan memaparkan semua laporan pada laman web mereka untuk tempoh pemberitahuan awam selama 30 hari.

Sekiranya tiada sebarang ulasan diterima sepanjang tempoh pemberitahuan, Sekretariat RSPO akan memaklumkan PK yang semua keperluan telah dipenuhi dan kumpulan tersebut boleh meneruskan penanaman baru seperti yang dirancang. Sekiranya terdapat sebarang ulasan ianya mesti diselesaikan terlebih dahulu sebelum proses penanaman baru dimulakan.


### **1.5 Proses Integrasi NPP dengan proses undang-undang negara**

Interpretasi Nasional (NI) RSPO akan memberikan panduan tentang bagaimana suatu penilaian yang diperlukan boleh digabungkan dan dilakukan, dengan mengambil kira undang-undang dan tatacara negara. Proses NPP boleh dimulakan sementara keperluan undang-undang masih di dalam proses. Walaubagaimanapun, ketika NPP diserahkan kepada RSPO, penyerahan tersebut mestilah berdasarkan penilaian muktamad.

Penyempurnaan NPP tidak semestinya bermaksud bahawa pembangunan ke atas tanah boleh dimulakan. Semua keperluan undang-undang berkaitan mestilah dipenuhi sebelum aktiviti membuka tanah dijalankan.

Dalam kes di mana penilaian merupakan suatu keperluan undang-undang penilaian tersebut mestilah telah diluluskan oleh pihak berkuasa yang berkenaan.

## SEKSYEN 2: Panduan NPP RSPO untuk Pekebun Kecil di bawah Pensijilan Kumpulan RSPO untuk pengeluaran TBS – perincian proses



Jadual 1 Carta panduan NPP RSPO untuk Pekebun Kecil di bawah Pensijilan Kumpulan RSPO. PK bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keperluan memenuhi keperluan NPP.

## I. Pra-penilaian: Pra-penilaian NPP diserahkan kepada Sekretariat RSPO

Langkah pertama di dalam tatacara ini ialah untuk menggambarkan atau memetakan kawasan-kawasan yang dicadangkan untuk penanaman kelapa sawit baru dan sebarang pembangunan berkaitan (termasuk sempadan yang jelas beserta koordinat GPS) untuk pembangunan baru yang dicadangkan, serta kedudukannya di dalam landskap yang lebih luas. PK dinasihatkan untuk menggunakan Aplikasi HCV untuk menghasilkan peta ini. [\(LINK TO BE INSERTED\)](#)

Sekiranya kawasan penanaman baru yang dicadangkan telah termasuk di dalam penilaian HCV sedia ada Kumpulan yang telah dilakukan sebagai sebahagian daripada proses Pensijilan awal, peta-peta baru ini perlu dijana menggunakan *Guidance on Map Submission for Land Use Change Analysis*.

Kawasan (ha) mestilah dikira berdasarkan dokumen ikatan/hakmilik/pemilikan tanah yang mana NPP digunapakai (iaitu jumlah keseluruhan ladang Ahli Kumpulan yang berkenaan).

Di samping itu, PK perlu menjalankan SEIA, mengikut Panduan SEIA untuk Pekebun Kecil.

Penilaian HCV yang diperlukan mestilah dibuat mengikut Panduan HCV untuk Pekebun Kecil, kecuali kawasan penanaman baru telah pun dimasukkan di dalam penilaian HCV awal Kumpulan sebagai sebahagian daripada proses Pensijilan, di mana laporan HCV ini boleh digunakan.

Kedua-dua kajian, penilaian SEIA dan HCV, boleh dilakukan menggunakan alat-alat dan aplikasi yang telah dicipta khusus:

[\(LINK TO BE INSERTED\) SEIA tool](#)

[\(LINK TO BE INSERTED\) alat SEIA](#)

[\(LINK TO BE INSERTED\) HCV app](#)

[\(LINK TO BE INSERTED\) aplikasi HCV](#)

Kedua-dua alat membolehkan penjaan laporan secara automatik, tertakluk kepada semua data telah dimasukkan. PK perlu memuat turun laporan-laporan ini dan melampirkannya bersama templat terisi dalam Lampiran I.

Sebagai langkah terakhir, PK mestilah menghantar templat Pra-penilaian terisi (lihat Lampiran I), bersama dengan dua laporan yang telah dimuat turun untuk penilaian SEIA dan HCV dan juga peta-peta berkenaan kepada Sekretariat RSPO.

Jika Sekretariat RSPO memaklumkan PK bahawa kesemua keperluan telah dipenuhi dan kumpulan tersebut boleh meneruskan aktiviti penanaman baru seperti yang dinyatakan, maka tiada langkah selanjutnya perlu dibuat.

Jika Sekretariat RSPO memaklumkan PK bahawa NPP penuh perlu dilakukan, teruskan ke II NPP.

### **Tip untuk Pengurus Kumpulan**

Semua ahli kumpulan baru mesti menyediakan maklumat tentang sebarang tanah milik mereka yang belum majukan dengan kelapa sawit untuk persediaan sekiranya mereka berniat untuk memajukannya dengan kelapa sawit pada masa akan datang, supaya ianya boleh dimasukkan terus ke dalam sebarang penilaian yang dilakukan ketika dalam proses memperoleh Keahlian Kumpulan.

## II. NPP: membuat Laporan NPP penuh

PK haruslah menggunakan templat yang disediakan di Lampiran 2.

### 1. Menjalankan penilaian tambahan

Sebagai sebahagian daripada keperluan untuk pembangunan penanaman kelapa sawit baru yang bertanggungjawab, semua PK perlu menjalankan penilaian, untuk dimasukkan ke dalam laporan NPP. Penilaian yang diperlukan adalah:

- 1) Penilaian Impak Sosial dan Alam Sekitar (SEIA)
- 2) Penilaian Nilai Pemuliharaan Tinggi (HCV)
- 3) Analisis pertukaran kegunaan tanah (LUCA), dan
- 4) Penilaian Gas Rumah Hijau (GHG)

Sebagai sebahagian daripada langkah semasa aktiviti pra-penilaian, 1) SEIA dan 2) HCV yang sama boleh digunakan untuk melengkapkan laporan penilaian akhir.

3) LUCA dan 4) GHG masih perlu dilakukan menggunakan alatan-alatan RSPO untuk pekebun kecil.

#### LUCA:

[\(LINK TO BE INSERTED\)](#) *Guidance on Map Submission for Land Use Change Analysis*

Sekretariat RSPO akan menjalankan LUCA untuk pekebun kecil yang telah menyerahkan peta yang dijana daripada Aplikasi Penilaian HCV atau sekurang-kurangnya fail-fail.kml/.kmz yang lengkap.

Anggaran masa yang diambil oleh Sekretariat RSPO untuk menghasilkan laporan LUCA ialah 1 bulan, bergantung dengan saiz pengembangan kawasan dan penyerahan lengkap segala maklumat untuk analisis dibuat.

Semasa tempoh analisis dibuat, para pekebun kecil mungkin dihubungi untuk maklumat selanjutnya.

#### GHG:

[\(LINK TO BE INSERTED\)](#) ALAT GHG

#### PERSETUJUAN ATAS DASAR INFORMASI AWAL TANPA PAKSAAN (FPIC):

Dalam menggunakan prinsip FPIC untuk ladang pekebun kecil, perkara-perkara berikut perlu diambil kira:

- 1) bagi kes pekebun kecil, yang berada di bawah Pensijilan Kumpulan, yang ingin mengambil tanah milik orang lain (termasuklah secara jualan atau serahmilik) untuk dijadikan kebun, mereka perlu mengikuti tatacara FPIC yang biasa.
- 2) Untuk kes di mana pekebun kecil memajukan kebun di tanah milik mereka sendiri, cabarannya ialah untuk memastikan kepatuhan undang-undangnya dan untuk memastikan

“jiran tetangga” mereka telah dimaklumkan sebelum pembangunan tanah, dan bukanlah untuk membuktikan FPIC.

---

*Prinsip FPIC ialah hak orang asli dan komuniti asal untuk memberi dan menahan persetujuan mereka ke atas sebarang project yang secara langsung atau tidak langsung memberi kesan ke atas tanah, kehidupan dan alam sekitar mereka. Persetujuan ini haruslah diberikan atau ditahan secara rela, bermaksud tanpa sebarang paksaan, ugutan atau manipulasi, dan melalui wakil komuniti itu sendiri yang dipilih secara sukarela seperti ketua adat mereka atau institusi lain. Ia perlu diperolehi sebelum suatu projek dilaksanakan, maksudnya mempunyai masa yang mencukupi sebelum sebarang kebenaran atau permulaan aktiviti dan menghormati keperluan masa proses rundingan penduduk asli dan asal. Ia perlu dimaklumkan, bermaksud komuniti di sekitar ladang mesti mempunyai akses kepada dan disediakan dengan maklumat lengkap dan tidak berbelah bagi tentang projek tersebut, termasuklah sifat dan tujuan projek, skala dan lokasi projek, jangka masa, keboleholangan, dan skop: semua impak ekonomi, budaya dan alam sekitar yang mungkin, termasuklah risiko dan faedah, akibat daripada projek tersebut.*

*Dalam menjalankan FPIC, pekebun kecil mest memastikan bahawa “free, prior and informed consent” diperolehi daripada jiran-jiran di sekeliling kawasan penanaman barunya berpandukan dengan panduan umum seperti yang tertera di pautan di bawah:*

*<http://www.rspo.org/key-documents/supplementary-materials>*

---

Panduan Tambahan untuk pelaksanaan FPIC oleh Kumpulan sedang disediakan.

## **2. Penyediaan pelan pengurusan**

Hasil dan cadangan yang diambil dari empat penilaian tadi mestilah dimasukkan ke dalam perancangan dan operasi penanaman baru dan pembangunan yang berkaitan. Satu daripada tujuan utama penilaian ialah untuk menentukan, dari satu aspek, kawasan di mana kelapa sawit boleh ditanam dan, dari aspek lain, kawasan yang dikenalpasti untuk dikecualikan, di mana tiada penanaman kelapa sawit boleh dijalankan.

NPP memasukkan ringkasan pelan pengurusan yang:

- Menolak semua pembukaan hutan primer;
- Menyediakan penyelenggaraan dan/atau penambahbaikan semua HCV yang dikenalpasti;
- Mengelak penanaman berleluasa di tanah curam dan/atau tanah marginal dan rapuh termasuklah tanah gambut [lihat laporan SEIA yang menyediakan maklumat tentang tanah] dan menyediakan pengurusan bersesuaian untuk jenis-jenis tanah ini untuk melindunginya daripada impak yang buruk.
- Mengurangkan pelepasan GHG bersih daripada pembangunan dengan mengambil kira pengecualian pembangunan ke atas kawasan dengan stok karbon tinggi (cth: hutan, kawasan gambut).

Ringkasan pelan pengurusan harus menggunakan templat Laporan NPP yang disediakan di Lampiran 2.

### **3. Penyerahan Laporan NPP kepada Sekretariat RSPO dan pemberitahuan umum**

PK mesti menyerahkan Laporan NPP kepada Sekretariat RSPO menggunakan templat di dalam Lampiran 2. Ketika menerima, RSPO akan memastikan bahawa penyerahan adalah lengkap dan dalam tempoh sepuluh hari bekerja akan memaparkan pemberitahuan pada laman web RSPO untuk tempoh 30 hari.

Pemberitahuan tidak akan dimuat naik pada laman web RSPO sekiranya penyerahan didapati tidak lengkap. Sepuluh hari bekerja yang diperlukan oleh Sekretariat untuk memproses penyerahan NPP dan untuk memuat naiknya ke laman web hanyalah sebagai petunjuk dan bergantung kepada kelengkapan penyerahan dan kecekapan masa PK dalam menangani sebarang isu yang dibangkitkan oleh Sekretariat.

Semua ulasan yang diterima oleh Sekretariat RSPO akan dimaklumkan kepada PK dalam tempoh tiga hari bekerja selepas ianya diterima untuk makluman mereka dan untuk penjelasan jika perlu.

Kumpulan tidak boleh memulakan sebarang aktiviti penyediaan tanah, sebarang penanaman baru atau pembangunan infrastruktur, sebelum akhir tempoh 30-hari dan sebelum menerima kelulusan rasmi dari RSPO.

### **4. Resolusi dan penyelesaian**

Mana-mana pihak yang ingin mempertikaikan isi kandungan NPP termasuk sebarang penilaian dan perancangan, boleh melakukannya melalui Mekanisme Ulasan NPP (sila lihat proses lengkap di Lampiran 3 menggunakan templat ulasan di Lampiran 4).

Sekretariat RSPO akan melindungi kerahsiaan pemberi ulasan itu (sekiranya diminta).

Hanya ulasan bertulis yang diserahkan secara rasmi kepada Sekretariat RSPO atau melalui ruang ulasan NPP dalam talian atau menggunakan templat ulasan dalam Lampiran 4 akan dipertimbangkan.

Pihak yang mengemukakan ulasan berhak untuk memberikan kata putus sama ada dan bila perkara yang mereka ulaskan telah diselesaikan. Sekiranya jawapan PK ke atas ulasan tersebut tidak diakui dalam tempoh 20 hari oleh pihak yang berkenaan, maka ulasan tersebut akan ditolak untuk tujuan penutupan NPP.

Untuk resolusi dan penyelesaian, Sekretariat RSPO boleh memperuntukkan tambahan 60 hari selepas 30-hari pemberitahuan untuk perkara tersebut diselesaikan. Sekiranya gagal, perkara tersebut akan secara otomatik difailkan sebagai “Kes Terlapor” yang bermaksud pasukan Aduan RSPO akan memfasilitasi proses penyelesaian. Sekiranya ianya tidak dapat diselesaikan secara *bilateral*, ia akan meningkat menjadi aduan yang perlu ditangani oleh panel Aduan. Sekiranya semua pihak bersetuju dengan perantaraan, ia akan dirujuk kepada *Dispute Settlement Facility*. Walaubagaimanapun, pada bila-bila masa selama 60 hari, perkara tersebut masih boleh dirujuk kepada pasukan aduan sebagai “Kes Terlapor” mengikut budi bicara Pengarah Teknikal Sekretariat RSPO.

Penyediaan tanah hanya boleh dijalankan setelah semua ulasan dan komen telah ditangani dan semua pihak terbabit bersetuju dengan tindakan pembetulan yang baik. Sebarang ulasan yang

diterima mungkin akan melambatkan proses penyediaan tanah (termasuk juga pembangunan lain yang berkaitan) sehinggalah persetujuan dicapai. Pembangunan boleh diteruskan di kawasan yang tidak ada pertikaian di dalam kawasan NPP, setelah diluluskan oleh RSPO. Sebarang ulasan yang diterima selama di dalam tempoh pemberitahuan umum (sehingga hari terakhir) boleh ditangani melalui Mekanisme Ulasan NPP. Ulasan yang diterima oleh Sekretariat RSPO selepas tempoh pemberitahuan akan ditangani sebagai aduan di bawah *RSPO Complaints Process* (<http://www.rspo.org/members/complaints>).

Apabila selesai 30-hari tempoh pemberitahuan dan penyelesaian untuk sebarang ulasan, Sekretariat RSPO akan secara rasmi memaklumkan PK secara elektronik pada hari pertama bekerja selepas tempoh pemberitahuan 30-hari tamat, atau setelah sebarang komen yang diterima diselesaikan. Bagi PK yang tidak dapat dihubungi secara elektronik, PK akan dimaklumkan melalui telefon (secara lisan) dan diikuti dengan penghantaran surat melalui pos. Salinan cetak pemberitahuan yang dibuat secara elektronik boleh diperolehi dari RSPO sekiranya diminta. Sekretariat RSPO tidak akan mengeluarkan pemberitahuan tentang penyelesaian NPP sementara ulasan atau komen yang diterima ketika tempoh pemberitahuan umum masih belum diselesaikan.

Apabila proses NPP selesai, RSPO akan memaklumkan PK dan memaparkan notis penyelesaian pada laman web RSPO.



## Lampiran 1. Templat untuk Pra-Penilaian

### Kenyataan Pemberitahuan NPP

1. Tarikh Pemberitahuan	
2. Nama Kumpulan	
3. No. Keahlian RSPO	
4. Lokasi penanaman baru yang dicadangkan <i>Nota:</i> <i>(i) Alamat Pengurus Kumpulan</i> <i>(ii) Pendaftaran Permit Perniagaan/Organisasi</i> <i>(iii) Jumlah saiz kebun [jumlah keseluruhan jika terdapat beberapa orang Ahli Kumpulan merancang untuk mengembangkan kebun]</i> <i>(iv) Pengurus Kumpulan</i> <i>(v) Nombor telefon</i> <i>(vi) Alamat emel</i> <i>(vii) Lokasi geografi</i> <i>(viii) Peta [boleh dikepilkan]</i> <i>(ix) Kawasan dan masa untuk pelan penanaman baru</i>	

### 5. Kenyataan Pengesahan Hak Penggunaan Tanah

*Ditandatangani oleh PK bagi mengesahkan bahawa bagi kawasan yang dirancang untuk tujuan pengembangan pekebun kecil terbabit memiliki sama ada dokumen yang sah dan boleh membuktikan hakmilik ke atas tanah atau pajakan atau kebenaran untuk menggunakan tanah adat dan sejarah pemilikan tanah dan penggunaan tanah yang benar dari segi undang-undang. Hak secara adat atau cara lain yang sesuai di kawasan setempat untuk menunjukkan hak milik tanah, juga boleh diterima.*

Nama Kumpulan:

Nama Pengurus Kumpulan:

Ditandatangani:

Tarikh:

**6. Kenyataan Penerimaan Tanggungjawab untuk NPP**

*Ditandatangani oleh PK bagi mengesahkan bahawa segala penilaian yang perlu telah dijalankan dan disiapkan berpandukan NPP.*

Nama Kumpulan:

Nama Pengurus Kumpulan:

Ditandatangani:

Tarikh:

**7. Gambaran keseluruhan dan latar belakang** pembangunan baru termasuklah penjelasan tentang lokasi, topografi

**8. Ringkasan hasil penemuan**

**SEIA**

Gunakan alat SEIA RSPO untuk Pekebun Kecil:

Muat turun laporan dan kepilkan pada dokumen ini



**HCV**Gunakan alat aplikasi HCV RSPO Muat turun laporan (laporan-laporan) dan kepilkan pada dokumen ini **PETA**Peta (peta-peta) yang telah dibuat (dijana menggunakan Aplikasi HCV) 

9. Kenyataan Keputusan Pra-Penilaian		
<i>PK menyatakan sama ada beliau berpendapat bahawa NPP penuh perlu dibuat berdasarkan keputusan daripada pra-penilaian</i>		
	<b>Kenyataan PK</b> <b>Yes/No</b> <b>Ya/Tidak</b>	<b>Pengesahan Sekretariat RSPO</b> <b>Yes/No</b> <b>Ya/Tidak</b>
<b>1. Adakah saiz terkumpul pertambahan pembukaan ladang melebihi 100ha/tahun</b>		
<b>2. Adakah ladang terletak di kawasan HCV dan SEIA berisiko tinggi?</b>		
<b>3. Adakah terdapat kawasan bertanah gambut?</b>		

**Panduan untuk penyerahan peta NPP**

Adalah penting untuk laporan NPP disertakan dengan peta yang jelas dan mudah dibaca. Peta boleh dijana menggunakan alat Aplikasi HCV.

Sebagai keperluan minimum PK perlulah:

1. Menghasilkan Peta dalam bentuk fail berformat .kml dan/atau .kmz
2. Menyerahkan fail-fail .kml dan/atau .kmz kepada RSPO untuk ditukar menjadi "shapefile".

Sekiranya PK memilih untuk menghasilkan peta mereka sendiri, isi kandungan berikut adalah diperlukan:

- Lokasi projek (*shapefile* mesti diserahkan)

- Hasil daripada laporan Simplified HCV termasuklah peta kawasan yang mungkin mengandungi HCV, peta kawasan hutan dan tanah gambut (iaitu “no-go-areas”, gambar-gambar sebenar yang diambil dari lokasi (*“ground-truthing photos”*))
- Peta dan penjelasan tentang semua kawasan yang berstok karbon tinggi termasuklah kawasan tanah gambut

## Lampiran 2: Templat Laporan NPP

Laporan NPP mengandungi:

Dokumen-dokumen daripada I. Pra-Penilaian: kepilkan penyerahan Pra-Penilaian yang lengkap termasuklah:

- 1. Templat Pra-Penilaian yang diisi lengkap
- 2. Laporan SEIA yang telah dimuat turun
- 3. Laporan HCV yang telah dimuat turun
- 4. Peta

Dokumen-dokumen untuk II. NPP: anda perlu menghasilkan dokumen-dokumen ini dan disertakan dengan templat ini:

- 5. Gunakan Panduan LUCA untuk mendapatkan sokongan dari Sekretariat  RSPO  
untuk menghasilkan laporan LUCA
- 6. Lampirkan laporan LUCA
- 7. Gunakan Panduan GhG
- 8. Lampirkan laporan GhG
- 9. Isikan templat Ringkasan Pelan Pengurusan di bawah

### Templat Ringkasan Pelan Pengurusan

Nama individu/Kumpulan yang bertanggungjawab dalam merangka dan melaksanakan pelan pengurusan		
<b>Tindakan Pengurusan mengikut kepada cadangan di dalam empat penilaian yang dibuat</b>		
<b>1. Aktiviti pengurusan berkaitan SEIA</b>		
Senaraikan semua cadangan daripada SEIA (termasuk impak positif dan cara mengurangkan impak negatif)	Aktiviti-aktiviti pengurusan*	Jadual Pemantauan
<b>2. Aktiviti-aktiviti pengurusan berkaitan GhG</b>		
Senaraikan semua cadangan daripada penilaian GhG	Aktiviti-aktiviti pengurusan*	Jadual Pemantauan


### 3. Pengurusan HCV

HCVs	Jenis HCV	Bilangan plot	Aktiviti-aktiviti pengurusan
HCV1-3	Hutan/ekosistem semulajadi		'No-go' diketepikan
	Tanah gambut		Amalan Pengurusan Terbaik (BMPs)
HCV4	Sungai		Zon penampungan seperti tertera pada laporan – tanpa pembukaan kawasan bertumbuhan semulajadi atau penanaman kelapa sawit
	Kawasan berair ("Waterbody")		
	Kawasan lembap		
	Cerun 9-25 darjah		Pembinaan teres dan penanaman tumbuhan penutup bumi
	Cerun > 25 darjah		Tiada penanaman kelapa sawit, tumbuhan semulajadi mesti dikekalkan
HCV5-6 penggunaan sumber	Penggunaan sumber atau penggunaan yang mempunyai isu		Tiada pembangunan sehingga pertikaian penggunaan diselesaikan

### 4. Aktiviti-aktiviti pengurusan berkaitan LUCA


Jenis Penggunaan Tanah	Bilangan plot	Aktiviti-aktiviti Pengurusan	Jadual pemantauan

| | | | |

\*Panduan: Anda harus mengambilkira aspek-aspek berikut untuk setiap aktiviti pengurusan.

- Penambahbaikan yang dicadangkan/ Langkah-langkah pengurangan
- Lokasi
- Parameter yang perlu dipantau
- Jenis pengukuran
- Kekerapan pengukuran
- Tanggungjawab

### Lampiran 3: Mekanisme Ulasan NPP





## Lampiran 4: Templat Ulasan NPP

Templat ini adalah untuk digunakan ketika tempoh 30-hari pemberitahuan umum dan tempoh ulasan untuk laporan NPP dan mesti diserahkan kepada [rsponppcomments@rspo.org](mailto:rsponppcomments@rspo.org) dalam masa 30 hari selepas laporan NPP dipaparkan pada laman web RSPO. Sebarang ulasan yang diterima selepas 30 hari tidak akan di proses melalui Mekanisme Ulasan (lihat Lampiran 2).

**Tarikh:**

**Nama (pemberi ulasan):** *Clause about anonymity to be added*

**Butiran untuk dihubungi (pemberi ulasan):**

Alamat emel:

Nombor telefon:

**Nama Kumpulan:**

**Lokasi penanaman baru yang dicadangkan:**

Negara dan Daerah:

Nama projek:

**Ulasan:**

*Ulasan mesti disertakan dengan penjelasan yang mencukupi, dan jika boleh, bukti, untuk menguatkan ulasan yang diberi.*

**Kenyataan Kebertanggungjawapan**

Saya faham proses NPP dan menyerahkan ulasan ini dengan niat baik (bahawa ulasan dan justifikasi yang dikemukakan adalah benar). Saya akan terlibat secara aktif dalam proses NPP dan akan berusaha untuk menangani penyelesaian ke atas ulasan yang dikemukakan dengan sebaik mungkin.

---

**Tandatangan Pengulas**

## Lampiran 5: Dokumen dan alat sokongan

### Dokumen Panduan:

- *Guidance on Map Submission for Land Use Change Analysis*
- *Simplified HCV approach for independent smallholders in the RSPO - 7.3 HCV procedures for new plantings (7.3 Phase 3 manual)*
- *Simplified HCV approach for smallholders in the RSPO - Introduction document (Phases 1 & 2)*
- *Smallholder- friendly SEIA and Management plan*

### Alat dan aplikasi

- Aplikasi Alat SEIA mesra-pekebun kecil
- Aplikasi ISHFs untuk *Simplified HCV Approach*